

D.R. 3/95

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1995. Tajuk ringkas.

2. Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 8 seksyen yang berikut: Seksyen baru 8A. Akta 505.

"Kuasa untuk menubuhkan syarikat dan pengesahan syarikat yang ditubuhkan. Akta 125. 8A. (1) Majlis boleh, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 untuk menjalankan mana-mana aktiviti yang telah dirancang atau diusahakan oleh Majlis dalam melaksanakan kewajipan atau kuasa-kuasanya di bawah seksyen 7.

(2) Tiap-tiap syarikat yang ditubuhkan atau berupa sebagai ditubuhkan oleh Majlis di bawah Akta Syarikat 1965 sebelum mula berkuatkuasanya

seksyen ini hendaklah disifatkan telah ditubuhkan dengan sah dan hendaklah terus wujud seolah-olah ia telah ditubuhkan oleh Majlis di bawah subseksyen (1).

(3) Apa-apa pembiayaan atau bantuan kewangan yang diberikan oleh Majlis di bawah subseksyen (2) seksyen 7 kepada sesuatu syarikat yang disebut dalam subseksyen (2) hendaklah disifatkan telah diberikan dengan sah."

Pindaan
seksyen 58.

3. Subseksyen 58 (2) Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan "dan" dengan koma; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan "menjalankan" perkataan "atau memberhentikan".

Pindaan
seksyen 59.

4. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 59 dengan seksyen yang berikut:

"Peguam
Syarie.

59. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Majlis boleh menerima mana-mana orang yang mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang Hukum Syarak menjadi Peguam Syarie bagi mewakili pihak-pihak dalam apa-apa prosiding di dalam Mahkamah Syariah.

(2) Majlis boleh, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, membuat kaedah-kaedah—

- (a) untuk mengadakan peruntukan bagi prosedur, kelayakan-kelayakan dan fee-fee bagi penerimaan Peguam Syarie; dan
- (b) untuk mengawalselia, mengawal dan mengawasi kelakuan Peguam Syarie.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), Majlis boleh mengecualikan mana-mana anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Persekutuan atau mana-mana orang yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Bantuan Guaman 1971 daripada peruntukan seksyen ini.

Akta 26.

(4) Walau apa pun apa-apajua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain, tiada seorang pun selain daripada Peguam Syarie atau orang yang dikecualikan di bawah subseksyen (3), berhak hadir di dalam mana-mana Mahkamah Syariah bagi pihak mana-mana pihak kepada apa-apa prosiding di hadapannya."

5. Subseksyen 102 (2) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "section 95 (3)" dengan perkataan "subsection (3) of section 96".

Pindaan
seksyen 102.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 ("Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan memasukkan seksyen baru 8A untuk memberikan kuasa kepada Majlis untuk menubuhkan syarikat-syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 dan untuk menyifatkan mana-mana syarikat yang telah ditubuhkan oleh Majlis sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini sebagai telah ditubuhkan dengan sah.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda subseksyen 58(2) Akta bagi memperjelaskan kuasa Ketua Pendakwa Syarie.

4. *Fasal 4* bertujuan menggantikan seksyen 59 Akta dengan seksyen 59 yang baru bagi membolehkan Majlis menerima Peguam Syarie bagi mewakili pihak-pihak dalam prosiding di hadapan Mahkamah Syariah dan bagi mengecualikan orang-orang yang tertentu daripada peruntukan yang berhubungan dengan penerimaan Peguam Syarie di dalam Mahkamah Syariah.

5. *Fasal 5* bertujuan meminda subseksyen 102(2) Akta yang berhubungan dengan pindaan kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1952 Negeri Selangor yang terpakai di Wilayah-Wilayah Persekutuan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1782.]